

Bab 7

PRINSIP-PRINSIP PENTING DALAM SISTEM PENDIDIKAN TRADISIONAL YANG MENDUKUNG *SURVIVAL* PERADABAN MELAYU

Setelah melihat perkembangan sistem pendidikan tradisional, ternyata bahawa sistem ini berperanan membentuk Peradaban Melayu. Sistem pendidikan tradisional yang terdiri daripada pelbagai corak cuba menonjolkan beberapa prinsip yang mendukung *survival* Peradaban Melayu.

Menghargai Warisan Ilmu

...demikian bunyinya titah Yang Maha Mulia itu: “Bahawa beta minta diperbuatkan hikayat pada Bendahara, peri persetua dan peri petuturan raja-raja Melayu dengan istiadatnya sekali; supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, diingatkannya oleh mereka itu; syahadan beroleh faedahlah ia daripadanya.”(Samad Ahmad, 2000:xxvii)

Petikan di atas merupakan titah perintah Yang Dipertuan di Hilir, Sultan Abdullah Ma'ayat Syah, disampaikan secara rasmi kepada Tun Seri Lanang, supaya menyusun buku **Sejarah Melayu** agar ilmu-ilmu silam dapat diketahui oleh generasi pada masa hadapan.

Pendidikan berperanan mewariskan ilmu kepada generasi muda untuk digunakan dalam kehidupan mereka kelak. Perkara ini dilakukan supaya khazanah ilmu silam tidak luput ditelan arus zaman. Mereka yang lebih berpengalaman dan berpengetahuan akan menurunkan kemahiran dan pengetahuan yang ada kepada mereka kepada anak-anak muda yang berminat. Seorang petani akan mengajar ilmu bertani kepada anak-anaknya

sendiri serta mereka yang berminat. Sementara itu, seorang guru silat akan mengajar ilmu mempertahankan diri kepada anak-anak muridnya. Seorang penglipur lara pula akan menurunkan kemahiran bercerita kepada anak-anak muda yang berminat. Dengan cara inilah ilmu pengetahuan Melayu dipindahkan dari satu generasi kepada generasi berikutnya.

Pendidikan dalam masyarakat Melayu juga berfungsi menyediakan orang-orang yang mahir dalam pelbagai bidang untuk berkhidmat dalam masyarakat. Pawang atau bomoh bertugas merawat para pesakit. Tugas mereka seakan-akan sama dengan tugas pada doktor pada masa ini. Tukang kayu atau disebut juga pandai kayu bertugas mendirikan rumah dan membuat peralatan dari kayu seperti tenggala, kuku kambing, pencakar, perahu pengail dan lesung. (<http://www.perpustam.edu.my/melaka/rumahmelaka.html>) Tok Selampit pula bertugas mendidik masyarakat melalui cerita-cerita berbentuk teladan. Selain mendidik, mereka juga dapat menghiburkan masyarakat yang penat bekerja seharian. (http://www.kulture.com.my/?articles/article_ekhoofarce.phtml)

Pendidikan Islam yang telah lama diperkenalkan di Alam Melayu masih subur sehingga kini. Walaupun institusi pengajian pondok mengalami kemerosotan, tetapi institusi-institusi pendidikan Islam yang lain seperti sekolah agama, Kolej Islam, Fakulti Pengajian Islam dan Universiti Islam Antarabangsa membuktikan pengajian Islam masih popular dalam masyarakat Melayu. Begitu juga halnya dengan pengajian bahasa Melayu. Pengajian ini yang diwarisi daripada nenek-moyang masih wujud di institusi-institusi pendidikan dari peringkat rendah hinggalah ke peringkat tertinggi.

Sebagai kesimpulannya, setiap masyarakat akan berubah menurut putaran masa, tetapi unsur-unsur penting dalam masyarakat itu dikekalkan. Pendidikan secara pemindahan kemahiran, pendidikan Islam dan pelajaran bahasa Melayu terus dikekalkan walaupun terdapat pelbagai ilmu baru yang diperkenalkan dalam masyarakat Melayu. Ilmu-ilmu silam perlu dihargai dan diajarkan kepada anak-anak agar warisan ilmu yang pernah mencorakkan peradaban bangsa kita dapat dikekalkan.

Menghargai Alam Sekeliling

Firman Allah SWT yang bermaksud:

Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, silih bergantinya malam dan siang, bahtera yang belayar di laut membawa apa yang berguna bagi manusia, dan apa yang Allah SWT turunkan dari langit berupa air, lalu dengan air itu Dia hidupkan bumi sesudah mati dan dia sebarkan di bumi itu segala jenis haiwan, dan pengisaran angin dan awan yang dikendalikan antara langit dan bumi, terdapat tanda-tanda keesaan dan kebesaran Allah SWT bagi kaum yang memikirkan. (al-Baqarah:164)

Ayat al-Quran di atas menyeru manusia agar mengambil pengajaran dari kejadian-kejadian yang berlaku dalam alam semesta. Pendidikan dalam masyarakat Melayu juga amat mementingkan alam sekeliling. Menurut kefahaman masyarakat Melayu, alam terbahagi kepada dua iaitu alam lahiriah dan alam batiniah. Interaksi dengan kedua-dua alam ini melahirkan pelbagai ilmu pengetahuan bagi masyarakat Melayu. Oleh itu, masyarakat Melayu amat menghormati alam dan tidak merosakkan atau mencemarkan alam sekeliling dengan sewenang-wenangnya.

Levi Strauss dalam bukunya *The Savage Mind* mengatakan bahawa masyarakat yang kecil atau sederhana sudah tahu membuat penjenisan terhadap semua objek yang

terdapat di alam sekeliling mereka. Walaupun kaedah tersebut dilihat sebagai kurang saintifik, usaha mengklasifikasikan pelbagai jenis tumbuhan, buah-buahan, awan, air, tanah, galian, batu-batan dan seumpamanya sebenarnya sudah mengandungi unsur saintifik yang tidak jauh berbeza dari ilmu sains moden. (Levi Strauss, 1974:268-269).

Memberi Pendidikan Asas Islam Kepada Kanak-kanak

Pendidikan pengajian al-Quran sangat dipentingkan dalam masyarakat Melayu. Ini amat bertepatan dengan sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

Tidak ada keuntungan bagi seorang yang telah menjadikan anaknya pandai membaca al-Quran, kecuali baginya nanti pada hari kiamat akan diberikan suatu mahkota dari dalam syurga.

Setelah kedatangan Islam ke Melaka pada kurun ke-15 Masihi, sekolah-sekolah mengaji al-Quran telah didirikan oleh mubaligh dan pendakwah Islam. Sekolah-sekolah ini berperanan memberikan pendidikan Islam yang asas kepada kanak-kanak Melayu. Di sekolah-sekolah ini, kanak-kanak diajar membaca al-Quran, menghafal doa dan mempelajari ilmu-ilmu fardu ain. (Shahril @Charil Marzuki, 1994:36) Dengan itu, sekolah mengaji al-Quran berperanan melahirkan pelajar-pelajar yang tahu membaca al-Quran di samping mendirikan ibadat seperti sembahyang dan puasa. Oleh itu, pelajar-pelajar dilatih supaya dapat menjadi orang Islam yang baik yang patuh kepada ajaran agama.

Dengan kewujudan sekolah-sekolah mengaji al-Quran, masyarakat Melayu menghantar anak-anak mereka ke situ apabila mencecah umur enam tahun dan anak-anak tersebut akan terus belajar sehingga berusia sepuluh tahun. (Ramlah Adam, 1997:

50) Oleh itu, kanak-kanak dapat mengisi masa secara berfaedah dan mengelakkan mereka dari membuang masa secara sia-sia. Perkara ini juga berjaya memerangi buta huruf di dalam masyarakat Melayu (Abdullah Ishak, 1995:xi)

Membentuk Akhlak Yang Mulia

Menurut konsep pendidikan Islam, pembentukan adab merujuk kepada makna yang diajar oleh Rasulullah SAW menerusi sebuah hadis:

Addabani Rabbi fa ahsana ta'dibi.

Maksudnya:Telah dididik akan daku (addabani) oleh Tuhanku, dan dijadikan pendidikanku (ta'dib) yang terbaik.

Menurut S.M.N.al-Attas, *adab* bermaksud disiplin iaitu disiplin ke atas jasad, akal dan roh seseorang yang membolehkannya menyedari dan mengakui kedudukannya dalam masyarakat. Seterusnya, seseorang itu dapat mengenali dan mengakui kedudukan dirinya dan keupayaannya dari segi jasmani, akal budi serta rohani. Ini membolehkannya mengakui taraf-taraf ilmu dan kewujudan. Pembentukan *adab* dalam diri seseorang manusia merupakan prasyarat untuk mendapatkan ilmu yang benar. *Adab* akan membawa kepada disiplin jasad, akal serta roh untuk membuahkan ilmu yang benar. (Hashim Musa, 1996:141, al-Attas, 1978:100)

Sistem pendidikan Islam dalam masyarakat Melayu telah berjaya membentuk akhlak mulia di kalangan para pelajar. Sebagai contoh, kanak-kanak yang dihantar ke

sekolah mengaji al-Quran akan diajar tingkah laku dan akhlak yang baik. Guru-guru biasanya akan menceritakan kepada kanak-kanak tentang kisah nabi-nabi, orang-orang soleh dan pahlawan Islam dengan tujuan untuk membentuk akhlak yang mulia dalam jiwa kanak-kanak. (Hamid Fahmy Zarkasyi, 1990:60)

Selain dari itu, murid-murid yang nakal dan malas akan dikenakan hukuman untuk memperbaiki kelakuan dan sikap mereka. Menurut Abdullah Munshi (yang turut berpeluang belajar di sekolah mengaji al-Quran semasa masih kanak-kanak), hukuman-hukuman yang dikenakan ke atasnya berjaya menjadikannya seorang yang berilmu dan berakhlak mulia. Ibu bapa pada masa silam memberi kebenaran kepada guru untuk menghukum anaknya sekiranya anak itu nakal dengan syarat tidak sampai mencederakan mata dan tangan anak itu. (Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, Jilid 1, 1915:28-31, 24-25) Ini kerana sudah menjadi kebiasaan masyarakat Melayu memberi penghormatan tinggi kepada guru untuk mendapat keberkatan ilmu. Raja Ali Haji ada menyenaraikan adab berguru di dalam kitabnya '*Bustan al-Katibin*', iaitu:

1. terlebih dahulu memberi salam apabila bertemu dengan guru.
2. kurangkan perkataan di hadapan gurunya terutama yang tiada kaitan dengan pelajaran.
3. Jangan bercakap sekiranya tidak ditanya oleh guru.
4. hendaklah meminta keizinan gurunya sebelum mengemukakan sebarang soalan.
5. jangan menyebut di hadapan gurunya pendapat-pendapat yang bertentangan dengan pendapat gurunya.
6. jangan cuba membuktikan bahawa dirinya lebih hebat dari gurunya.

7. jangan memanggil kawan-kawan semasa dalam majlis ilmu.
8. hendaklah memberi sepenuh tumpuan semasa belajar. Oleh itu, tidak boleh menoleh ke kiri atau ke kanan. Pelajar perlu duduk dengan bersopan dan menundukkan kepalanya tanda menghormati majlis ilmu seolah-olah dirinya berada dalam sembahyang.
9. Jangan terlalu banyak bertanya dalam majlis ilmu. Jangan bertanya apa-apa soalan semasa guru dalam perjalanan pulang ke rumahnya sehinggalah guru tersebut sampai ke rumahnya.
10. Jangan bersikap buruk-sangka dengan guru berdasarkan kelakuan zahimya kerana mungkin batinnya berbeza. Jangan mengumpat guru dan hendaklah kasih kepadanya sebagaimana kasih anak kepada bapanya.

(Hashim Musa, 1996:140-141, Muhammad Uthman El-Muhammady, 1976:146-150)

Raja Ali Haji ada menyenaraikan akhlak para penuntut ilmu yang perlu dipatuhi oleh setiap pelajar agar beroleh kejayaan dalam pengajiannya, iaitu:

11. al-Himmat (kemahuan yang kuat untuk menuntut ilmu)
12. al-Mudarasah (mengulang-ulang kembali ilmu yang sudah dipelajari.)
13. al-Muhafazah (menghafal ilmu yang telah dipelajari agar mudah mengeluarkannya apabila diperlukan)
14. al-Muzakarah (mengadakan perbincangan supaya mudah memahami ilmu yang dipelajari)

15. al-Muthola'ah (selalu mengulangkaji pelajaran)

(Hashim Musa, 1996:139)

Selain itu, Raja Ali Haji juga ada menerangkan 5 tabiat buruk yang harus dijaui oleh para pelajar kerana tabiat ini menghalang seseorang daripada memperolehi ilmu. Tabiat tersebut ialah:

1. Tidak menyedari kejahilan diri dan menganggap dirinya sudah bijak dan tidak perlu lagi menuntut ilmu.
2. Sifat takbur dan bongkak menyebabkan seseorang itu tidak mahu berguru kerana tidak suka merendah diri terhadap orang lain.
3. Sikap terlalu was-was sehingga menghalang kemajuan.
4. Tidak mempunyai keazaman kuat untuk menuntut ilmu. Bersikap pemalas, cuai dan tidak dapat melawan nafsu yang kuat dan lemah itu.
5. Berperangai jahat dan buta hati.

(Hashim Musa, 1996:139-140)

Di institusi-institusi pengajian pondok pula, ketahanan moral dan kerohanian dalam diri pelajar-pelajar dipupuk menerusi disiplin yang ketat dan penekanan kepada teori dan praktikal dalam pembelajaran. (Nabir Abdullah, 1983:14) Ternyata bahawa institusi pondok berjaya melahirkan pelajar-pelajar yang berkeperibadian mulia dan seimbang dari segi emosi, rohani dan jasmani. Mereka menyanjung tinggi tuan guru dan menganggapnya sebagai bapa mereka sendiri. Ini berbeza dengan pelajar-pelajar yang

menerima pendidikan moden kerana kebanyakannya tidak mempunyai nilai akhlak, moral dan jati diri yang boleh dibanggakan.

Institusi pondok juga membentuk perasaan perpaduan di kalangan masyarakat di rantau ini. Pondok-pondok dibina atas semangat tolong-menolong dan bergotong-royong di kalangan penduduk kampung. Selain dari itu, pelajar-pelajar yang datang dari pelbagai daerah telah disatukan dalam sesebuah institusi pondok. (Nabir Abdullah, 1983:14) Institusi pondok juga bertanggungjawab membentuk kepatuhan masyarakat Melayu terhadap hukum Shariah dan seterusnya memelihara dan mempertahankan keutuhan mereka sebagai umat yang disinari cahaya keimanan dan berbeza dengan kebanyakan manusia yang rakus kepada kebendaan. (Muhammad Uthman El-Muhammady, 1983:14)

Melahirkan Banyak Golongan Cendekiawan dan Ulama

Perumpamaan ulama di permukaan bumi seperti bintang-bintang di langit; apabila mereka bersinar, manusia memperoleh petunjuk dan apabila sinar bintang tidak kelihatan, manusia akan kebingungan. (Abu Muslim al-Khawlani)

Sistem pengajian Islam terbukti telah melahirkan banyak cendekiawan dan ulama serta mengurangkan kadar buta huruf dalam masyarakat Melayu. (Abdullah, 1995:xi) Mubaligh dan pendakwah Islam pada masa tersebut bukan sekadar mendirikan pusat-pusat pengajian dan mengajar ilmu tetapi juga melatih pelajar-pelajarnya supaya mengamalkan ilmu Islam yang telah dipelajari. Perkara yang paling mulia menurut Islam ialah mempunyai kefahaman tentang agama. Menurut ajaran Islam, orang yang berilmu dan beramal dengan ilmunya akan ditambahkan lagi dengan ilmu dan hidayah

seterusnya diberi kesedaran untuk memelihara kesucian dan ketinggian agama Islam.
(Abdullah Ishak, 1990:195)

Guru-guru pondok pula tidak sekadar memberi ilmu tetapi juga penghayatannya dalam amalan seharian untuk membentuk watak dan keperibadian muslim yang sempurna. Sistem pondok ternyata berjaya melahirkan banyak ilmuwan Islam yang berwibawa dan layak diakui sebagai ulama. Antara yang terkenal termasuklah Tok Pulau Manis, Tuan Tabal, Tok Kotan, Tok Selehor, Haji Abdullah Fahim, Tuan Hussin, Haji Muhammad Taib Mufti, Haji Muhammad Noor dan Haji Sahar. Golongan cendekiawan ini begitu berwibawa dan berjaya menubuhkan beberapa buah institusi pondok lalu melahirkan pula tokoh-tokoh ulama yang menceburi pelbagai bidang termasuk pendidikan, politik dan perkhidmatan awam. (Abdullah Ishak, 1990:195)

Ketokohan guru pondok amat sukar ditandingi. Mereka tidak sekadar mempunyai ilmu Islam yang mendalam, tetapi juga amat kuat takwanya. Gerak-geri dan tingkah laku mereka merupakan bayangan akhlak Rasulullah SAW. Mereka tidak membuang masa dengan omong-omong kosong dan amat kuat berpegang dengan hukum Islam. Mereka tidak terpengaruh dengan kedudukan, pangkat dan harta kekayaan. Dengan sifat-sifat tersebut, golongan ini disanjung oleh seluruh masyarakat sebagai ulama. (Abdullah Ishak, 1990:196)

Membuka Peluang Para Pelajar Untuk Melanjutkan Pelajaran Ke Luar Negara

Ada pepatah Melayu yang berbunyi 'Jauh perjalanan, luas pandangan'. Ini selari dengan sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud : Tuntutlah ilmu walau sampai ke negeri China.

Pada masa silam, institusi pengajian Islam terutamanya sekolah pondok merupakan landasan awal bagi mereka yang ingin melanjutkan pelajaran ke Tanah Arab. Memang menjadi kebiasaan para pelajar silam untuk mengembara bagi menuntut ilmu. Menurut Awang Had Salleh, pada peringkat awal, mereka belajar di sekolah-sekolah pondok yang terdapat di negeri sendiri atau negeri-negeri yang berhampiran. Kemudian barulah mereka melanjutkan pelajaran ke luar negara. (Awang Had Salleh, 1977:39-40)

Kebanyakan pelajar pondok meneruskan pengajian mereka di Makkah, India atau Mesir. Apabila pulang ke tanahair, mereka membuka sekolah-sekolah pondok untuk memberi pengajaran Islam kepada masyarakat. Ada juga di antara golongan tersebut yang terpengaruh dengan idea pembaharuan Islam oleh Muhammad Abduh di Mesir. Golongan inilah yang mempelopori penubuhan madrasah-madrasah (iaitu sekolah-sekolah agama berbentuk moden) di Tanah Melayu. (Nabir Abdullah, 1983:15)

Sebagai Benteng Mempertahankan Islam Dan Kebudayaan Melayu

Pada kurun ke-19 Masihi dan awal kurun ke-20 Masihi, institusi pengajian pondok merupakan benteng yang kebal bagi masyarakat Melayu untuk mempertahankan aqidah dan syari 'at Islam serta kebudayaan timur dari fahaman Kristian dan pengaruh budaya moden barat. (Abdullah Ishak, 1995:237) Kewujudan pondok berupaya membantu masyarakat Melayu menangani pembangunan yang berlaku secara besar-besaran dalam bidang ekonomi, politik dan sosial akibat dari pemodenan. (Nabir Abdullah, 1983:15)

Contohnya, institusi persekolahan pondok berperanan mempertahankan kesederhanaan hidup dengan mengimbangi pengaruh kebendaan dan kerohanian. Kehidupan yang ideal ini dipelajari dari Rasulullah SAW, para sahabat dan *tabi 'in*. Menurut sejarah Islam, pengaruh kebendaan mula merebak di kalangan umat Islam semasa pemerintahan kerajaan Umayyah dan 'Abbasiyah apabila berlaku pertembungan kebudayaan Rom dan Parsi dengan kebudayaan Islam.

Pengaruh kebendaan di rantau ini mula merebak dengan kedatangan barat. Melalui pengaruh kebendaan, Barat telah memisahkan ilmu yang seterusnya membawa kepada perubahan tanggapan dan budaya. Pengaruh budaya materialistik yang amat mengutamakan kebendaan tanpa menghiraukan aspek kerohanian telah menyebabkan masyarakat Melayu hidup dalam keadaan terumbang-ambing. Maka institusi pondok berjaya memainkan peranan dalam membawa kesederhanaan hidup yang menjadi tradisi masyarakat timur dan selari pula dengan ajaran Islam di samping menentang pengaruh pemikiran dan kebudayaan Barat yang melanda masyarakat. (Abdullah Ishak, 1995:235-236)

Sistem pendidikan tradisional juga berperanan mempertahankan tulisan Jawi. Menurut sejarah, orang Melayu pada masa dahulu terpengaruh dengan tulisan Palava. Ini dibuktikan dengan catatan seorang pengembara Cina bernama I-Tsing yang menyatakan bahawa beliau telah datang ke Palembang untuk mempelajari bahasa Sanskrit pada tahun 671 Masihi. Bunyi dan sebutan huruf Palava telah mempengaruhi alat-alat artikulasi bangsa Melayu. (Abdullah Ishak, 1990: 187-188)

Dengan kedatangan Islam, mubaligh-mubaligh Islam telah memperkenalkan tulisan Jawi (tulisan yang berasaskan abjad Arab campuran Parsi) bagi memudahkan

masyarakat Melayu membaca al-Quran dan mempelajari ilmu-ilmu Islam. Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas: 'Kedatangan Islam telah membawa bersama tulisan Arab yang dijadikan tulisan Melayu, mempunyai tambahan beberapa huruf istimewa bagi bahasa itu dari bahasa Parsi dan Barbar. Nampaknya tulisan Jawi inilah yang mengikat perpaduan satu bahasa meliputi seluruh golongan bangsa Melayu.' (al-Attas, 1972:43) Pengajaran tulisan Jawi pada mulanya disampaikan menerusi institusi rumah, masjid dan surau. Tradisi ini diteruskan kesinambungannya oleh sekolah mengaji al-Quran dan institusi pondok. (Abdullah Ishak, 1990:188)

Di sekolah-sekolah mengaji al-Quran, tulisan Jawi diajar kepada kanak-kanak. Sekolah mengaji al-Quran berperanan memperkembangkan tulisan Jawi di kalangan masyarakat sehingga digunakan dalam penulisan kesusasteraan dan falsafah, urusan surat-menyurat serta hutang-piutang pada zaman silam. Ini termasuklah surat yang diutuskan untuk Maharaja Cina.

Kemudian, dengan kemunculan institusi pengajian pondok, peranan memperluaskan penggunaan tulisan Jawi diteruskan oleh institusi tersebut. Sesetengah pondok menjadikan tulisan Jawi sebagai satu dari mata pelajaran dalam kurikulumnya. Kitab-kitab dalam pelbagai matapelajaran juga ditulis dengan menggunakan tulisan Jawi. Ini termasuklah kitab Usuluddin, Fikah dan Tasawuf. Perkara ini berjaya memperluaskan penggunaan tulisan Jawi dalam masyarakat Melayu. Pada masa tersebut, segala urusan perhubungan samada dari segi pembacaan umum, maklumat bertulis, surat perjanjian arahan dan perintah ditulis dalam tulisan Jawi. (Abdullah Ishak, 1990:188)

Institusi pondok tidak sekadar memperkuat dan mengembangkan penggunaan tulisan Jawi bagi memudahkan pembacaan al-Quran serta kitab-kitab agama, tetapi berjaya menjadikan tulisan tersebut sebagai media perhubungan masyarakat sehingga berjaya memperkaya serta memperluaskan penggunaan bahasa Melayu. Sebutan yang dilambangkan oleh huruf Jawi memudahkan masyarakat Melayu membunyikan fonim-fonim yang sejajar dalam tulisan Arab. Ini memudahkan proses asimilasi bahasa yang dapat memperkayakan perbendaharaan kata bahasa Melayu. (Abdullah Ishak, 1990:188-189)

Walaupun huruf Rumi telah diperkenalkan sejak awal penjajahan Barat, tetapi penggunaannya amat sukar dalam menentukan sebutan Arab dengan betul bagi sesetengah perkataan Arab. Bunyi dan sebutan yang salah terutama perkataan-perkataan yang berkaitan dengan akidah amat membimbangkan kerana perkara ini bukan sekadar merupakan pencemaran bahasa tetapi juga pencemaran agama. (Abdullah Ishak, 1990:189)

Salah satu pertubuhan Melayu yang berusaha mempertahankan agama Islam melalui pendidikan ialah PEKEMBAR atau lebih dikenali sebagai UMNO. Ini terbukti dengan Dasar Pelajarannya yang mengutamakan agama Islam dalam pendidikan, tetapi dalam masa yang sama, menerima nilai-nilai moden dari Peradaban Barat yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Dasar Pelajaran UMNO mengatakan bahawa:

...pendirian umat Melayu tentang ilmu pengetahuan dan kebudayaan Barat hendaklah seperti fikiran seorang pengarang Islam yang bernama Mohamed Asad, di dalam bukunya *Islam At The Cross Road* ... kata pujangga yang bijaksana itu, hendaklah orang Islam yang gemar akan ilmu-ilmu itu menurut cara barat, tetapi hendaklah ditinggalkan semangat ajaran-ajaran ilmu yang difikirkan melemahkan asas agamanya ... ajaran Islam tentang budi pekerti, keadilan, kebebasan dan

lain-lain memang diakui oleh pengarang-pengarang dari serba bangsa sebagai ajaran-ajaran yang darjahnya lebih tinggi daripada ajaran-ajaran lain. Apabila umat Melayu faham tentang hal ini maka belajarliah ia akan ilmu-ilmu pengetahuan menerusi cara-cara itu tetapi dengan semangat Islam.

(UMNO/SG 1/47 dipetik dari Ramlah Adam, 1978:73)

Ini menunjukkan bahawa UMNO sebagai badan yang mewakili sebahagian dari orang Melayu di Tanah Melayu ini yang menganut agama Islam telah cuba mendapat kepercayaan dari bangsa Melayu dengan menjadikan agama Islam sebagai asas bagi Dasar Pelajarannya.(Ramlah Adam, 1978:74) Dengan itu, diharapkan agar generasi pada masa hadapan akan berpegang teguh dengan Islam serta mampu berdepan dengan cabaran moden dari Barat.

Perkembangan Kesusasteraan dan Bahasa Melayu

Menurut Abdullah Ishak, interpretasi Islam pada jiwa masyarakat Melayu telah merevolusikan pandangan hidup dan kebudayaan Islam dengan mengubahnya dari estetik kepada saintifik. Perubahan tersebut berlaku menerusi tulisan, bahasa dan kesusasteraan bercorak Islam.(Abdullah Ishak, 1995:230) Dengan penggunaan tulisan Jawi, kesusasteraan Melayu berkembang di rantau ini. Menurut Syed Naquib al-Attas:

‘Salah satu kejadian baru yang terpenting mengenai kebudayaan, yang dengan secara langsung digerakkan oleh proses sejarah kebudayaan Islam adalah penyebaran bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, bukan sahaja dalam kesusasteraan epik dan roman, akan tetapi-lebih penting-dalam pembicaraan falsafah. Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kesusasteraan falsafah Islam di Kepulauan Melayu-Indonesia menambah serta meninggikan perbendaharaan katanya dan istilah-istilah khususnya, dan merupakan salah satu faktor terutama yang menjunjungnya ke peringkat bahasa sastera yang bersifat rasional;...’
(al-Attas, 1972:21)

Apabila Islam datang ke Melaka pada kurun ke-14 Masihi, berlaku perkembangan bahasa Melayu dimana bahasa ini telah digunakan dalam penulisan kitab-kitab agama dan pelbagai buku cerita, hikayat, syair dan pantun. Ini termasuklah cerita-cerita yang berasal dari Parsi, Arab, India dan China yang masih wujud sehingga kini seperti **Hikayat Bustamam**, **Hikayat Amir Hamzah**, **Hikayat Siti Zubaidah** dan **Hikayat Iskandar Zulkarnain**. Selain itu, terdapat juga beberapa cerita tradisi Melayu yang dikumpul oleh Tuan Raffles. Malangnya, cerita-cerita tersebut telah terbakar bersama-sama dengan kapal Tuan Raffles semasa kepulangannya ke England. (Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, Jilid 2, 1915:288)

Di Aceh pula, pada awal kurun ke-17 Masihi, (iaitu semasa kemuncak kegemilangannya) terdapat seorang ahli tasawuf yang terkenal bernama Hamzah Fansuri. Beliau banyak mengarang kitab-kitab dan syair-syair dalam bahasa Melayu. Kemudian, pada tahun 1637 Masihi, Sultan Aceh, Mahkota Alam telah melanggar negeri Johor Tua dan menawan Sultan Johor bersama-sama Bendahara Seri Maharaja, Tun Seri Lanang. Semasa Bendahara Tun Seri Lanang berada di Aceh, beliau telah mengarang sebuah buku bernama **Sejarah Melayu** yang menjadi pusaka masyarakat Melayu hingga kini.

Institusi pondok juga bertanggungjawab terhadap perkembangan kesusasteraan dan bahasa Melayu. Guru-guru pondok banyak menghasilkan buku-buku agama bagi kegunaan pelajar-pelajar. Sebelum Perang Dunia Kedua, salah seorang ulama yang banyak menghasilkan buku-buku agama dalam bahasa Melayu (bertulisan Jawi) ialah Haji Abdul Latif Haji Tambi. Melalui penulisan, beliau cuba memperbaiki daya pemikiran masyarakat Melayu dan berusaha memberi teguran dan cadangan untuk menangani masalah-masalah sosial dalam masyarakat. Antara karangan-karangan

beliau termasuklah **Kitab Rangkapan, Kitab Hadiyatul Rahman, Syair Bandung, Kitab Hadiyatul Rahim dan Cerita Peperangan Sayidina Hussin di Padang Karbala.** (Abdul Rahim Abdullah, 1984:95, 104-106)

Tulisan Jawi bukan hanya digunakan dalam penulisan buku-buku agama, tetapi juga dalam penulisan hikayat, cerita-cerita penglipur lara dalam bentuk prosa atau puisi. Di dalam penulisan tersebut, perkataan-perkataan Arab sering digunakan. Pemakaian perkataan-perkataan tersebut yang telah diasimilasikan dapat memperkukuh dan memantapkan kesusasteraan Melayu. Menurut Muhd. Uthman El-Muhammady (1983:15), kemampuan bahasa Melayu telah dibuktikan dengan penggunaannya untuk menyampaikan ajaran Islam kepada masyarakat setempat. Bahasa Melayu yang selama ini hanya digunakan sebagai bahasa pasar telah bertukar statusnya menjadi bahasa kesusasteraan dan keagamaan dan sebagai alat pengucapan intelektual dan *lingua franca* di rantau ini. (Abdullah Ishak, 1990:189-190)

Kemunculan Kesedaran Masyarakat Untuk Menentang Penjajah

Institusi pondok dan madrasah berperanan membangkitkan kesedaran masyarakat Melayu untuk bangun menentang penjajahan British. Maahad Ihya' al-Shariff di Gunung Semanggol Perak memainkan peranan aktif dalam pergerakan politik Tanah Melayu. Menjelang Perang Dunia Kedua, Kesatuan Melayu Muda ditubuhkan di sekolah ini. Mudir sekolah ini, Ustaz Abu Bakar al-Baqir mempunyai hubungan rapat dengan tokoh-tokoh politik Masjumi dan tokoh pemimpin seperti Dr. Burhanuddin al-Helmy dan Ibrahim Yaacob. Akhirnya, sekolah ini menjadi pusat perjuangan agama Islam. Menurut Nabir Haji Abdullah, banyak perhimpunan berbaur politik diadakan di

madrasah ini sepanjang tahun 1947 Masihi. Para pelajar pula berpeluang menyuarakan pendapat mereka melalui 3 cara iaitu:

1. majlis debat dan pidato.
2. propaganda sewaktu cuti.
3. Pementasan. (Pada bulan Julai 1947 Masihi, para pelajar *Ihya* mengadakan satu sandiwara bertajuk 'Malaya Jadi Idam-Idaman' atau disebut juga 'Pemuda Tanahair').

Oleh kerana madrasah ini berfungsi sebagai markas politik tanahair, maka banyaklah badan-badan politik ditubuhkan di sini. Antaranya ialah:

1. Pusat Perekonomian Melayu Se-Malaya (PEPERMAS)
2. Majlis Agama Tinggi (MATA)
3. Lembaga Pendidikan Rakyat (LEPIR)
4. Hizbul Muslimin

(Nabir Abdullah, 1976:75, 124, 129 dan 147 dan 184, Malaysia Kita, 1991:772).

Selain itu, madrasah *al-Mashoor* juga berperanan memberi kesedaran kepada masyarakat Melayu tentang perlunya membebaskan diri dari cengkaman penjajah. Majlis syarahan yang diadakan di Madrasah *al-Mashoor* sering menengahkan isu kemuduran masyarakat Melayu dari segala segi. Syarahan-syarahan tersebut biasanya diberikan oleh guru besar, guru-guru dan penceramah luar. Pada pertengahan 1930-an, muncul dua buah persatuan di kalangan penuntut madrasah *al-Mashoor*. Persatuan yang pertama ditubuhkan pada tahun 1936 Masihi dan diberi nama 'Persatuan *Nahdatul Ikhwan*'. Persatuan ini diketuai oleh Syeikh Haji Ahmad Baladram. Antara objektif penubuhan persatuan ini ialah:

- i) memberi motivasi kepada para pelajar.
- ii) memberi kesedaran tentang kemunduran masyarakat Melayu.
- iii) melatih semangat perpaduan di kalangan pelajar.

(Rahim Osman, 1980:83-84)

Persatuan ini melatih para penuntut untuk menyuarakan pendapat mereka melalui majalah bulanan iaitu Majalah *Nahdatul Ikhwan*. Para penuntut juga digalakkan beriadah melalui aktiviti sukan dan perkelahan. Persatuan ini wujud sehinggalah sekolah ditutup akibat perang. (Rahim Osman, 1980:84)

Sebuah lagi persatuan yang wujud di Madrasah *al-Mashoor* ialah *Urawatul Usra*. Walau bagaimanapun, persatuan ini agak kurang popular jika dibandingkan dengan Persatuan *Nahdatul Ikhwan*. Persatuan ini juga berkubur akibat meletusnya perang.

Dalam tahun 1937 Masihi, pihak Madrasah *al-Mashoor* mengadakan lawatan ke seluruh Tanah Melayu dan Singapura atas cadangan yang dikemukakan oleh Persatuan *Nahdatul Ikhwan*. Rombongan tersebut diadakan selama 41 hari dan ahli-ahlinya terdiri daripada penuntut-penuntut dan guru-guru berjumlah 25 orang. Rombongan tersebut melawat istana-istana, sekolah-sekolah Arab dan kawasan-kawasan petempatan masyarakat Melayu. Lawatan tersebut telah membangkitkan kesedaran masyarakat Melayu untuk bangun memperjuangkan hak dan membela nasib mereka. Selain itu, bekas-bekas pelajar madrasah ini kebanyakannya menjadi aktivis politik yang berjuang dalam zaman selepas Perang Dunia Kedua. (Rahim Osman, 1984:84)

Di samping itu, antara ulama pondok yang meniupkan semangat nasionalisme kepada masyarakat Melayu ialah Sheikh Abdullah Fahim. Beliau sangat disegani oleh Sultan-sultan Melayu pada masa itu dan dihormati pula oleh pejuang-pejuang kemerdekaan tanahair seperti Ustaz Abu Bakar al-Baqir, Dr. Burhanuddin al-Helmy, Dato' Onn bin Jaafar, Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn. (Mokhtar Petah, 1997:xi-xii)

Sheikh Abdullah Fahim telah menanamkan semangat kemerdekaan ke dalam diri setiap muridnya. Beliau memberi kesedaran bahawa setiap manusia dilahirkan ke dunia oleh ibunya dalam keadaan merdeka. Manusia tidak boleh menjadi hamba manusia dan tidak boleh memperhambakan manusia. Manusia yang dijajah dan diperhambakan wajib membebaskan diri dari belenggu penjajahan. Dengan kesedaran tersebut, banyak pelajar Sheikh Abdullah Fahim telah berjuang menuntut kemerdekaan sehingga ada yang terkorban dibunuh oleh tentera British, tentera Jepun, orang upahan tentera Jepun dan penganas komunis. (Mokhtar Petah, 1997:4) Melihatkan kepada jasanya yang besar terhadap masyarakat serta kebolehannya dalam ilmu falak, beliau telah diberi penghormatan untuk menentukan tarikh kemerdekaan Tanah Melayu. Akhirnya, beliau telah memilih tarikh 31 Ogos 1957 sebagai tarikh kemerdekaan Tanah Melayu. (Mokhtar Petah, 1997:xiii)

Kesimpulan

Pada masa ini, unsur-unsur pendidikan tradisional masih dapat dirasai dalam kehidupan kita. Melalui pendidikan tersebut, generasi baru berjaya mewarisi kepakaran dan ilmu pengetahuan generasi terdahulu. Selain itu, mereka juga mampu mempertahankan kebudayaan Melayu dan agama Islam. Oleh itu, memang tidak dapat

dinafikan bahawa pendidikan tradisional telah meninggalkan banyak kesan positif terhadap masyarakat pada hari ini. Pengaruh pendidikan tradisional Melayu harus dikekalkan supaya tidak lekang dek panas dan tidak lapuk dek hujan.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, sistem pendidikan tradisional Islam telah lama wujud di Alam Melayu sebelum sistem pendidikan moden diperkenalkan. Ada sebahagian daripada sistem tersebut yang terus kekal dan diserapkan ke dalam sistem pendidikan moden, antaranya seperti pendidikan agama Islam dan pelajaran bahasa Melayu.

Pendidikan pra-Islam lebih berbentuk pemindahan kemahiran dan berfungsi memenuhi keperluan masyarakat dalam kehidupan seharian. Pendidikan ini bersifat budaya. Selain dari itu, hasil interaksi masyarakat Melayu dengan alam sekeliling telah melahirkan pelbagai pengalaman kehidupan.

Setelah kedatangan Islam ke Alam Melayu, Islam telah berjaya memantap serta memperkukuh sistem pendidikan masyarakat Melayu yang agak lemah strukturnya. Pendidikan di dalam Islam berkait rapat dengan peradaban. Pendidikan berperanan memupuk asas-asas peradaban dalam Islam sebagai tamadun Ilahi. Sistem pendidikan masyarakat Melayu yang selama ini banyak dipengaruhi oleh kepercayaan karut telah bertukar wajah dan mula mementingkan aqidah serta cara hidup berlandaskan ajaran agama.

Pendidikan Islam di Alam Melayu bermula dengan pendidikan secara tidak formal di masjid, surau dan istana. Kemudian, wujud pula Sekolah Mengaji al-Quran untuk kanak-kanak. Menjelang kurun ke-20 Masihi pula, pendidikan Islam terus mengorak langkah bagi mencapai kemajuan berikutan dengan kemunculan sekolah-sekolah pondok di Alam Melayu. Setelah itu, kemajuan terus dikecapi oleh sistem

pendidikan Islam dengan penubuhan sekolah agama dalam bentuk moden yang dikenali sebagai 'Madrasah'.

Masyarakat Melayu silam tidak mementingkan pendidikan bahasa Melayu. Ini kerana mereka lebih mementingkan bahasa Arab kerana bahasa tersebut mempunyai kaitan rapat dengan agama Islam. Hanya golongan yang menyedari kepentingan bahasa Melayu berusaha mencari guru-guru yang mahir untuk mempelajari bahasa tersebut. Oleh itu, pelajaran bahasa Melayu diajar secara tidak formal dan tiada sekolah khas untuk mengajar bahasa Melayu.

Penginstitusian pendidikan bahasa Melayu telah dilaksanakan oleh British dengan penubuhan beberapa buah sekolah, antaranya ialah Sekolah Melayu Bangkahulu dan *Raffles Institution*. Kemudian, kerajaan British telah menubuhkan pula sekolah-sekolah vernakular Melayu. Di sekolah-sekolah ini, bahasa Melayu telah dijadikan sebagai bahasa pengantar.

Langkah British ini seolah-olah cuba memartabatkan bahasa Melayu. Tetapi pada masa yang sama, pihak British seolah-olah mengenyahkan para pelajar lepasan sekolah-sekolah Melayu, dengan hanya memberi peluang kepada mereka untuk bekerja sebagai pegawai rendah di jabatan-jabatan kerajaan. Padahal, para pelajar lepasan sekolah Inggeris diambil bekerja sebagai pegawai di jabatan-jabatan tersebut.

British juga tidak menghormati perasaan masyarakat Melayu apabila cadangan A.M. Skinner untuk mengambil-alih sekolah mengaji al-Quran dilaksanakan. Sekolah mengaji al-Quran yang merupakan institusi keilmuan masyarakat Melayu telah digantikan dengan sekolah-sekolah vernakular Melayu. Pengajian al-Quran juga

dijadikan matapelajaran kelas kedua dan diajar pada waktu petang, iaitu waktu di mana otak tidak dapat lagi berfungsi dengan baik kerana pengaruh iklim tropik. Guru-guru yang mengajar al-Quran juga tidak dibiayai oleh kerajaan, sebaliknya ibu bapalah yang membayar upah kepada guru-guru tersebut.

Ini jelas menunjukkan bahawa British sebenarnya mengenepikan mata pelajaran agama Islam dan bahasa Melayu, sebaliknya cuba memperkenalkan pendidikan berbentuk sekular di negara kita. Pendidikan vernakular Melayu hanya diberikan selama empat tahun dan tidak mampu menghasilkan tokoh-tokoh Melayu, berbeza dari pendidikan tradisional Melayu yang terbukti berjaya menghasilkan personaliti-personaliti terkenal seperti Hang Tuah, Hang Jebat dan Munsyi Abdullah.

Kedatangan Barat juga telah menyebabkan terpisahnya ilmu Melayu yang bersifat *holistic*, iaitu gabungan dari ilmu yang bersumber alam lahiriah dan batiniah. Ilmu yang mempunyai unsur batiniah telah diasingkan dan dianggap tidak perlu dipelajari. Perkara ini menyebabkan ilmu tradisi Melayu telah terpisah-pisah dan tidak lagi mempunyai keistimewaannya tersendiri. Masyarakat Melayu bersama jati diri ilmu pengetahuannya turut diperkecil-kecilkan oleh pihak Barat, lantaran tidak wujud kesedaran di kalangan anak-anak tempatan untuk mempertahankan kewibawaan ilmu-ilmu tersebut. (Zainal Abidin Borhan, 1997:10)

Keadaan mula berubah apabila negara kita mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos, 1957. Pendidikan Islam terus dimajukan dengan penubuhan sekolah-sekolah agama. Ada di antara sekolah-sekolah agama tersebut yang dikelolakan oleh kerajaan. Kini pendidikan Islam semakin maju berikutan penubuhan institusi pengajian tinggi

seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kolej Sultan Zainal Abidin, Akademi Pengajian Islam (Universiti Malaya) dan Fakulti Pengajian Islam (Universiti Kebangsaan Malaysia)

Pendidikan bahasa Melayu juga turut maju selepas negara kita mencapai kemerdekaan. Oleh kerana bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi negara, maka bahasa ini dijadikan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah, maktab dan institusi pengajian tinggi dan keadaan ini berlarutan sehingga kini. Walaupun pada peringkat permulaan, bahasa Melayu sukar digunakan untuk mengajar ilmu-ilmu moden di peringkat pengajian tinggi, tetapi kini kemampuan bahasa Melayu telah terbukti dalam mengungkapkan pelbagai cabang ilmu. Dan menjadi tanggungjawab kita pula untuk terus mendaulatkan bahasa Melayu dan mempertingkatkan penggunaannya dalam pelbagai bidang.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa sistem pendidikan tradisional telah memberi pelbagai sumbangan terhadap Peradaban Melayu. Sebagai masyarakat yang lahir dan dibesarkan di Alam Melayu, kita harus berbangga kerana sudah mempunyai sistem pendidikan sendiri sejak beberapa abad yang lalu. Kini, walaupun kita berhadapan dengan arus pemodenan, kita tidak harus melupakan warisan tersebut yang amat bernilai dan boleh diaplikasikan dalam pendekatan pendidikan moden. Semoga dengan ini, pendidikan di negara kita menjadi lebih berjaya sehingga berupaya melahirkan generasi yang seimbang dari segi rohani dan jasmani seperti yang tertera dalam Falsafah Pendidikan Negara.